

Kes SEC International

Najib mengaku RM42j bukan derma dari Arab Saudi

Bekas PM buat
pengakuan
ketika disoal
balas peguam

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak semalam mengakui di Mahkamah Tinggi di sini bahawa wang berjumlah RM42 juta yang dimasukkan ke dalam akaun bank peribadinya tidak mempunyai sebarang kaitan dengan derma dari Arab Saudi.

Bekas perdana menteri itu membuat pengakuan itu ketika disoal balas oleh peguam kepada SRC International Sdn Bhd, Kwan Will Sen, dalam saman sivil RM42 juta yang difailkan terhadapnya oleh SRC dan anak syarikatnya, Gandingan Mentari Sdn Bhd.

"Pada ketika itu, saya menyangka ia adalah derma dari Arab Saudi," kata Najib.

Kwan: Pada fikiran anda jika saya boleh menggunakan perkataan itu pada ketika ini, adakah RM42 juta itu tidak ada kaitannya dengan derma Arab Saudi?

Najib: Berdasarkan pengetahuan yang diperoleh kemudian, ya.

Terdahulu, Kwan meminta Najib mengakui bahawa pembelaan beliau berhubung 'derma Arab Saudi' ditolak sepenuhnya oleh mahkamah dalam prosiding jenayah berkaitan.



Najib tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Kwan: Pembelaan anda (derma Arab Saudi) ditolak pada semua peringkat mahkamah (dalam kes jenayah SRC International). Betul?

Najib: Ya, tetapi saya perlu menjelaskan kerana saya tidak berpeluang memberikan penjelasan penuh di Mahkamah Persekutuan. Sebab itulah dalam prosiding semakan, salah seorang hakim - seorang hakim kanan - bersetuju dengan pendirian kami. Dalam semakan itu, beliau memutuskan bahawa saya tidak mendapat perbicaraan yang adil.

Kwan: Secara keseluruhan, dapatan majoriti mengekalkan kesimpulan bahawa dana terbabit bukan derma Arab Saudi. Adakah betul?

Najib: "Ya, malangnya begitu."

"Tiada bukti dokumentasi

Najib turut mengakui Mahkamah Tinggi, dalam keputusan terbaru perbicaraan membabitkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), memutuskan tiada bukti dokumentari yang menyokong pembelaan beliau berhubung 'derma Arab Saudi'.

Saman sivil yang difailkan pada 2021 oleh SRC dan Gandingan Mentari itu menuntut satu pengisytiharan bahawa Najib bertanggungjawab ke atas RM42 juta berkenaan, selain menuntut ganti rugi atas penerimaan dengan pengetahuan, bantuan secara tidak jujur, salah laku dalam jawatan awam serta penyalahgunaan kuasa.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Raja Ahmad Mohzanuddin Shah Raja Mohzan bersambung hari ini. **BERNAMA**